



SOLAT

Jangan Ambil Mudah

■ HUSNA HASSAN

Ironi sungguh, sehebat-hebat solat, sikap manusia pula sebaliknya. Sikap Muslim terhadap solat kelihatan begitu tidak setara dengan kedudukan, kelebihan dan kepentingan solat. Jauh panggang dari api.

Kelebihan dan keistimewaan solat jika ingin dibicarakan, mungkin tidak cukup halaman majalah *Solusi* ini

untuk menukilkannya. Bermula dari kelebihan dan kedudukan istimewa solat dalam al-Quran, hadis, kata-kata dan pengalaman sahabat serta golongan soleh, termasuk juga kelebihan solat dari perspektif sains.

Sebahagian daripada keistimewaan solat ini boleh dibaca di halaman 51 majalah *Solusi* ini.

Pun begitu, kadangkala sikap kita terhadap taharah, niat, takbiratulihram, kiam, rukuk dan sujud, khusyuk,

bacaan dan zikir dalam solat, apatah lagi batasan waktu menunaikan solat menunjukkan seolah-olah solat itu tidak penting dan perkara sampingan.

Bawa Dunia ke dalam Solat?

Buktinya, tidur lena dinihari kadangkala menang mengalahkan solat dua rakaat. Melancong ke sana sini kadangkala lebih mengujakan berbanding solat yang sekadar perlu berada setempat. Bahkan solat sering dilengah oleh sedikit sahaja keinginan badan untuk bersantai.

Ironi sungguh, solat dikalahkan di dunia oleh keinginan duniawi dan nafsu. Bahkan lebih memburukkan keadaan, semasa sedang solat pun minda masih ligat mengintai pelbagai urusan dunia.

Astaghfirullah...

Sedangkan di akhirat, itulah amalan pertama yang diutamakan semasa sesi amalan dihisab. Rasulullah s.a.w.

bersabda: "Amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah terhadap manusia pada hari kiamat kelak adalah solat." (Riwayat al-Baihaqi)

Solat terasa berat bukan kerana ia ibadah wajib yang paling kerap perlu diulang-ulang, sebanyak lima kali sehari pada sesi yang berlainan. Sebaliknya solat terasa berat kerana "dunia". Bagaimana?

- i. Bawa masuk dunia ke dalam solat.
- ii. Terlalu sibuk dengan urusan dunia sehinggakan solat dianaktirikan.
- iii. Merasakan dunia lebih penting daripada akhirat.
- iv. Hanya bercita-cita untuk menunaikan solat, namun tiada usaha ke arah itu.

Solat Berbeza di Hati Pelaku

Sedar atau tidak, solat hanya ringan di hati orang yang cukup iman dan berat di hati orang yang berpura-pura beriman (munafik). Kenapa munafik? Ini kerana orang munafik bangun menunaikan solat dalam keadaan malas dan riyak.

Hakikat ini dijelaskan oleh Allah menerusi firman-Nya: "Sesungguhnya orang munafik itu menipu Allah, tetapi Allahlah yang membalas penipuan mereka. Apabila mereka berdiri untuk solat mereka lakukan dalam keadaan malas, mereka riyak (menunjuk-munjuk) di hadapan manusia dan mereka tidak mengingati Allah kecuali sedikit." (Surah al-Nisa' 4: 142)

Semua solat sebenarnya terasa berat bagi golongan munafik, cuma solat Isyak dan Subuh lebih berganda beratnya. Untuk menunaikan solat Subuh perlu atasi rasa mengantuk dan membersihkan badan. Dugaan solat Isyak juga hebat, saat badan ingin bersantai, kekenyangan selepas makan malam dan badan terasa penat selepas penat lelah sepanjang siang.

Di sini, jelas hakikat bahawa solat terasa berat bukan terletak pada solat itu sendiri, sebaliknya bergantung kepada cuaca hati si pelaku. Jika orang yang menunaikan solat itu hatinya berat dengan karat

mazmumah dan iman yang luntur, maka solat akan terasa ibarat ritual yang hanya menyusahkan pelakunya. Bagi orang yang cuaca hatinya lapang dengan cahaya iman, maka solat akan terasa ibarat ritual yang memberikan kerehatan.

Bagaimana Rasulullah Merasa Solat Itu Merehatkan?

Sebab itulah Rasulullah s.a.w. mengarahkan Bilal bin Rabah bangun melaungkan azan kalau sudah masuk waktu solat. Dengan penegasan tambahan bahawa itulah aktiviti yang merehatkan Baginda.

Ironi sungguh, semasa sedang solat pun minda masih ligat mengintai pelbagai urusan dunia.

"Rehatkan kami dengan solat, wahai Bilal!" demikian seru Rasulullah. Tidak pula Baginda berkata: "Rehatkan kami daripada solat, wahai Bilal."

Bayangkan, Rasulullah bukan sahaja ketua negara, bahkan Baginda jugalah pemimpin tentera, ketua agama, pakar rujuk, teladan setiap aspek dan banyak lagi.

Setiap perkara yang Baginda lakukan akan menjadi redaksi yang direkod dalam hadis yang disampaikan turun-temurun. Ya, tugas kenabian bukan tugas yang mudah. Namun apabila tiba saat solat perlu ditunaikan, Baginda menganggap itulah saatnya Baginda boleh akrab dengan Allah dan fokus sepenuh perhatian kepada urusan akhirat tanpa campur tangan urusan dunia yang tidak perlu semasa solat.

Hinggakan orang yang sebelum ini merasakan bahawa mereka diberi perhatian yang sangat istimewa oleh Baginda di luar solat dek indahnya

akhlak Baginda, namun kemudian merasakan seolah-olah Rasulullah langsung tidak mengenalinya dek Baginda begitu khushyuk solat.

Ini Punca Malas Solat

Ada individu yang memang tahu solat itu wajib dan berazam mahu menunaikan solat, namun sebaik sahaja ingin menuju kepada solat, solat dilihat seolah-olah perkara yang begitu sukar untuk dilaksanakan.

Situasi dan rasa sebegini mesti pernah dialami oleh sesiapa sahaja. Sedar atau tidak, Rasulullah sudah menjelaskan faktor yang menghalang dan cara mengatasinya dalam hadis ini:

"Apabila kamu tidur, syaitan membuat tiga ikatan di tengkuk. Pada setiap ikatan syaitan akan mengatakan: 'Malam masih panjang, tidurlah!' Jika ia bangun lalu berzikir kepada Allah, terlepaslah satu ikatan. Kemudian jika ia berwuduk, terlepas lagi satu ikatan berikutnya. Kemudian jika ia mengerjakan solat, lepaslah ikatan terakhir. Pada pagi hari, dia akan bersemangat dan bergembira. Jika tidak melakukan seperti ini, jiwanya jadi kotor dan malas." (Riwayat al-Bukhari)

Bayangkan, sudah berapa lama kita dibelenggu ikatan syaitan jika tidak melaksanakan saranan di atas? Jadi sekarang, jelaslah bahawa cara untuk tetap solat bermula dengan tetap menunaikan solat tanpa sebarang alasan.

Rutin Agar Tidak Culus dan Malas Solat

Inilah hakikat yang mungkin kita tidak sedar atau terlepas pandang. Cara untuk tidak ambil mudah dengan solat dan tidak lagi merasakan solat itu berat, Allah sudah tunjuk dan Nabi sudah ajar. Cuma kita sahaja yang tidak fokus, berfikir dan merenung untuk meletakkannya pada tempat yang sesuai.

Bangun setiap pagi dengan semudah menyebut nama Allah, berwuduk dan solat sahaja, kita sudah membuka ikatan syaitan yang menjadi antara punca malas dan culas solat. S